




DR 6 TAHUN 2020
DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT BELAS
PENGGAL KEDUA



LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
(PAC) PARLIMEN KEEMPAT BELAS

**TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF)
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN (DR5/2019)**

TUNTUTAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK CUKAI BARANG DAN
PERKHIDMATAN (GST) BERJUMLAH RM19.4 BILION



AHLI-AHLI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN PENGGAL KE 14

1. YB. Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong] **- Pengerusi**
2. YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] **- Naib Pengerusi**
3. YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]
4. YB. Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]
5. YB. Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]
6. YB. Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]
7. YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]
8. YB. Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]
9. YB. Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]
10. YB. Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]
11. YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]
12. YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]
13. YB. Tuan Robert Lawson Chuat [Betong]
14. YB. Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]
15. YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah **- Setiausaha PAC /
Setiausaha Dewan Rakyat**

WAKIL TETAP KERAJAAN DALAM PAC (EX-OFFICIO PAC PARLIMEN)

1. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
2. Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA)
3. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
4. Jabatan Audit Negara (JAN)
5. Jabatan Peguam Negara (AGC)
6. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)
7. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM)

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG
NEGARA (PAC) PARLIMEN KEEMPAT BELAS
TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN KEWANGAN
(MOF) BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN
(DR5/2019)**

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG TUNTUTAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (GST) BERJUMLAH RM19.4 BILION	1 - 2
2	TINDAKAN SUSULAN BAGI SYOR-SYOR LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN DR5/2019	3 - 8

**LAPORAN JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PARLIMEN BERHUBUNG
TUNTUTAN TUNGGAKAN
BAYARAN BALIK CUKAI BARANG
DAN PERKHIDMATAN (GST)
BERJUMLAH RM19.4 BILION**



**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PARLIMEN**

**TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF)
BAGI SYOR-SYOR
LAPORAN PAC PARLIMEN (DR5/2019)
BERHUBUNG**

**TUNTUTAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK CUKAI BARANG DAN
PERKHIDMATAN (GST) BERJUMLAH RM19.4 BILION**

1. LATAR BELAKANG

Melalui mandat yang diberikan di bawah Peraturan Mesyuarat (PM) 77 (1) (d) dan 83 (2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen telah mengadakan 10 prosiding bagi Tuntutan Tunggakan Bayaran Balik Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) Berjumlah RM19.4 Bilion bermula pada September 2018 sehingga Mei 2019.

Isu ini telah dibangkitkan pada 8 Ogos 2018 oleh YB Tuan Lim Guan Eng, Mantan Menteri Kewangan ketika menggulung perbahasan Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018.

Dalam prosiding berkenaan, PAC Parlimen telah memanggil pihak-pihak yang berkepentingan dengan pengurusan bayaran balik GST iaitu Mantan Menteri Kewangan, dua (2) Mantan Menteri Kewangan II, Mantan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Ketua Pengarah JKDM dan Menteri Kewangan untuk memberi keterangan mengenai peranan dan penglibatan mereka dalam isu yang dibincangkan.

Jawatankuasa ini, kemudian membentangkan Laporan PAC Parlimen Berhubung Tuntutan Tunggakan Bayaran Balik GST Berjumlah RM19.4 Bilion di Dewan Rakyat pada 15 Julai 2019.

Dalam laporan berkenaan, PAC Parlimen telah mengemukakan rumusan dan dua (2) syor yang perlu diambil tindakan oleh Pegawai Pengawal.

Berdasarkan Peraturan Mesyuarat (PM) 77 (1) (5), Jawatankuasa ini berkuasa memanggil orang hadir di hadapannya atau meminta dikeluarkan surat-surat dan rekod-rekod dan mengeluarkan penyata kepada Majlis dari satu masa ke satu masa.

Sehubungan dengan itu, MOF bersama-sama dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) telah memberikan Taklimat berhubung Laporan Tindakan Susulan Pegawai Pengawal ke atas Syor-syor PAC Parlimen bagi Laporan PAC Parlimen DR5/2019 di hadapan PAC Parlimen pada 3 Disember 2019.

2. PENDAHULUAN

2.1. Isu tuntutan tunggakan bayaran balik GST berjumlah RM19.4 bilion telah dibangkitkan YB Menteri Kewangan pada 8 Ogos 2018 semasa sesi penggulungan perbahasan Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018. Isu tersebut telah mendapat perhatian rakyat termasuk PAC Parlimen.

- 2.2. Selaras dengan Perkara 77 1(d) dan 83 (2), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, PAC Parlimen telah membincangkan isu yang dibangkitkan YB Menteri Kewangan tersebut. Sebanyak 10 prosiding telah diadakan dari 12 Setember 2018 hingga 14 Mei 2019 dengan memanggil semua pihak yang berkepentingan dalam pengurusan bayaran balik GST.
- 2.3. Laporan PAC Parlimen Berhubung Tuntutan Tunggakan Bayaran Balik GST Berjumlah RM19.4 Bilion telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 15 Julai 2019 dengan syor yang berikut:
- Syor 1: Pentadbiran Kerajaan perlu memastikan pematuhan penuh undang-undang negara khasnya dalam pelaksanaan tatacara kewangan supaya sistem pentadbiran kewangan lebih teratur dan berakauntabiliti.
- Syor 2: Pegawai-pegawai Kerajaan yang telah diamanahkan perlu sentiasa menasihati pentadbiran Kerajaan tentang undang-undang, prosedur dan maklumat perangkaan tanpa perlu ada rasa gentar atau pilih kasih (*without fear or favour*) terutamanya dalam mengamalkan perancangan aliran tunai dan disiplin kewangan fiskal yang lebih berakauntabiliti.
- 2.4 Surat PAC Parlimen rujukan PAR/PAC. 3/25/1 Jld.5 (71) bertarikh 22 Julai 2019 telah mengemukakan syor-syor berhubung prosiding DR5/2019 kepada Pegawai Pengawal Kementerian Kewangan (*Ministry of Finance – MOF*) dan berkehendakkan tindakan susulan diambil.

**TINDAKAN SUSULAN
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA
(PAC) PARLIMEN DR5/2019**

3. TINDAKAN SUSULAN KE ATAS SYOR-SYOR PAC PARLIMEN

- 3.1. **Syor 1: Pentadbiran Kerajaan perlu memastikan pematuhan penuh undang-undang negara khasnya dalam pelaksanaan tatacara kewangan supaya sistem pentadbiran kewangan lebih teratur dan berakauntabiliti.**

Maklum Balas MOF/Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM)

- 3.1.1. MOF/JKDM mengambil maklum perkara berikut:

3.1.1.1 Tindakan memasukkan semua hasil kutipan GST ke dalam Akaun Hasil Disatukan sebelum dipindahkan secara berperingkat ke dalam kumpulan Wang Pembayaran Balik GST adalah tidak selaras dengan seksyen 54(2) dan 54(5), Akta GST 2014; dan

3.1.1.2 Penetapan dasar 35% daripada jumlah kutipan GST setiap tahun dari Akaun Hasil Disatukan ke Kumpulan Wang Pembayaran Balik GST adalah tidak mencukupi untuk menampung permohonan bayaran balik GST. PAC Parlimen mencadangkan kadar sekurang-kurangnya 42% daripada jumlah kutipan GST dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Pembayaran Balik GST.

- 3.1.2. Berhubung pematuhan kepada tatacara kewangan, MOF/JKDM telah mengambil langkah penambahbaikan pentadbiran ke atas Kumpulan Wang Pembayaran Balik GST seperti dalam jadual berikut:

Perkara	Perincian
Kuasa Menteri Kewangan Berkenaan Pemindahan Amaun GST Yang Dipungut Ke Dalam Kumpulan Wang Pembayaran Balik GST	Persetujuan Menteri Kewangan telah diperolehi bagi tujuan meluluskan pemindahan kutipan GST yang telah dimasukkan ke dalam Akaun Hasil Disatukan ke dalam Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik GST selaras dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah seksyen 54(2) Akta GST 2014.

<p>Pentadbiran / Pengoperasian Kumpulan Wang bagi Pembayaran Balik GST</p>	<p>Susulan daripada syor PAC, tindakan telah diambil oleh JKDM di mana kesemua kutipan GST yang dimasukkan ke dalam Akaun Hasil Disatukan dipindahkan melalui satu pelarasan jurnal ke Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik GST.</p> <p>Selain itu, semua kutipan GST diakaunkan terus ke Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik GST.</p> <p>Secara keseluruhan, Jumlah kutipan GST tahun 2019 yang telah diperakaunkan dari 1 Januari 2019 sehingga 14 November 2019 ke Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik GST adalah berjumlah RM0.871 bilion. Amaun ini telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik GST Bil. 10/2019 bertarikh 19 November 2019 yang dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri KSP.</p>
<p>Pindaan kepada surat ikatan amanah Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik GST</p>	<p>Berdasarkan cadangan Bahagian Undang-undang Perbendaharaan, satu Surat Ikatan Amanah Tambahan telah dibuat dan dibaca bersama surat ikatan bertarikh 13 Mac 2015 bagi membolehkan Kumpulan Wang bagi Pembayaran Balik GST terus berfungsi berikutan pemansuhan GST pada 1 September 2018.</p> <p><u>Keanggotaan Ahli Jawatankuasa</u></p> <p>Perenggan 2, Surat Ikatan Amanah telah ditambahbaik bagi menjaga kedudukan aliran wang tunai negara supaya tidak berada dalam keadaan defisit pengurusan melalui pelantikan ahli Jawatankuasa tambahan, iaitu Pengarah, Pejabat Belanjawan Negara dan Setiausaha Bahagian, Bahagian Fiskal dan Ekonomi.</p> <p>Keanggotaan baharu ahli Jawatankuasa yang telah ditambah dan diperincikan adalah seperti berikut:</p>

	<p>Pengerusi : KSP</p> <p>Timbalan Pengerusi : Akauntan Negara Malaysia</p> <p>Ahli : i. KP JKDM</p> <p>ii. Penolong Ketua Pengarah Kastam Bahagian Cukai Dalam Negeri, JKDM</p> <p>iii. Setiausaha Bahagian Cukai</p> <p>iv. Setiausaha Bahagian Fiskal dan Ekonomi (Baharu)</p> <p>v. Pengarah Pejabat Belanjawan Negara (Baharu)</p> <p>vi. Ketua Akauntan JKDM</p> <p>Setiausaha : Ketua Unit Pengurusan Perakaunan Hasil, Bahagian Cukai Dalam Negeri JKDM</p> <p><u>Wang Yang Boleh Dikreditkan Ke Dalam Kumpulan Wang</u></p> <p>Perenggan 3, Surat Ikatan Amanah Tambahan telah menetapkan Kumpulan Wang Boleh dikreditkan:</p> <p>i. apa-apa amaun cukai yang dipungut di bawah seksyen 4 & 7, Akta GST (Pemansuhan) 2018; dan</p> <p>ii. apa-apa amaun yang diperuntukkan oleh Parlimen.</p> <p><u>Penggunaan Wang Kumpulan Wang</u></p> <p>Perenggan 4, Surat Ikatan Amanah Tambahan telah menetapkan wang dalam Kumpulan Wang hendaklah digunakan bagi tujuan bayaran balik di bawah seksyen 4 & 8, Akta GST (Pemansuhan) 2018.</p>
--	---

	<p><u>Pemakaian Akta GST 2014 dan Akta Tatacara Kewangan 1957</u></p> <p>Perenggan 6, Surat Ikatan Amanah Tambahan telah menetapkan pengurusan Kumpulan Wang adalah tertakluk kepada seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 dan Akta GST (Pemansuhan) 2018.</p> <p><u>Penutupan Kumpulan Wang</u></p> <p>Perenggan 7, Surat Ikatan Amanah Tambahan telah menetapkan Kumpulan Wang hendaklah ditutup berdasarkan prosedur di bawah seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 apabila tujuan kumpulan wang tercapai atau tidak diperlukan. Apa-apa baki kredit dalam akaun ini hendaklah dimasukkan ke dalam Akaun Amanah Disatukan.</p> <p>Kumpulan Wang ini sah sehingga 31 Oktober 2024 atau apabila tujuan Kumpulan Wang ini tercapai, manamana yang terkemudian.</p> <p>Surat Ikatan Amanah Tambahan dibuat pada 30 November 2018 dan berkuatkuasa pada 1 September 2018.</p>
--	---

- 3.2. **Syor 2 : Pegawai-pegawai Kerajaan yang telah diamanahkan perlu sentiasa menasihati pentadbiran Kerajaan tentang undang-undang, prosedur dan maklumat perangkaan tanpa perlu ada rasa gentar atau pilih kasih (*without fear or favour*) terutamanya dalam mengamalkan perancangan aliran tunai dan disiplin kewangan fiskal yang lebih berakauntabiliti.**

Maklum Balas JKDM

- 3.2.1 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik GST telah ditambahbaik dengan mengambilkira:

3.2.1.1 Jumlah tunggakan tuntutan pembayaran balik GST; dan

3.2.1.2 Maklumat keperluan peruntukan tambahan.

3.2.2 Vot B12 telah diperuntukkan sebanyak RM19 bilion bagi tahun 2019 untuk tujuan pembayaran balik GST dan telah disalurkan ke Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik GST.

3.2.3 Ringkasan kedudukan baki Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik GST sehingga 28 November 2019 adalah seperti berikut:

Baki awal 1 Januari 2019	RM3.9 bilion
Peruntukan B.12	RM19.0 bilion
Kutipan GST	RM0.8 bilion*
	<hr/>
	RM23.7 bilion
Bayaran Balik	(RM17.3 Bilion)
Baki Akhir	RM6.4 bilion
	<hr/>

*Nota: Kutipan sehingga 28 November 2019

3.2.4 Ringkasan kedudukan baki tuntutan pembayaran balik GST adalah seperti berikut:

Perkara	Pada 31 Mei 2018	Pada 01 Jun 2018 Hingga 28 November 2019	Jumlah
Tuntutan Bayaran Balik GST (<i>Refund</i>) belum dibayar	19.4 bilion	7.2 bilion	26.6 bilion
Tuntutan Bayaran Balik GST (<i>Refund</i>) telah dibayar	(14.6 bilion)	(2.7 bilion)	(17.3 bilion)
Baki tuntutan Belum Dibayar	4.8 bilion	4.5 bilion	9.3 bilion
Baki Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik GST			RM6.4 bilion
Peruntukan tambahan yang diperlukan			RM2.9 bilion

3.2.5 Proses kelulusan pembayaran balik GST sedia ada masih dikekalkan dengan pelaksanaan strategi baharu ke atas pembayaran balik GST seperti berikut:

3.2.5.1 Pelaksanaan Pengesahan Lawatan Tapak (Premis).

- 3.2.5.2 Pelaksanaan Wang Tahanan (*Retention Sum*).
- 3.2.5.3 Pelaksanaan Jaminan Bank.
- 3.2.5.4 Semakan semula Pembayaran Balik GST secara *auto approved*.

4. PENUTUP

PAC Parlimen mengambil maklum terhadap tindakan susulan Pegawai Pengawal yang diambil ke atas syor-syor PAC Parlimen oleh MOF/JKDM selaras dengan Peraturan Mesyuarat (PM) 77 (1) (5).

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN KE 14